



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA



**BUKU PANDUAN
PROSEDUR PERMOHONAN &
TUNTUTAN BAYARAN PEMBIAYAAN
LATIHAN KEMAHIRAN PROGRAM
PEMBIAYAAN KOMPETITIF
(*CONTESTABLE FUNDING*)**

1.0 TUJUAN

Buku Panduan ini adalah bertujuan bagi menjelaskan kepada Penyedia Latihan (PL), pelatih kemahiran dan kakitangan PTPK mengenai prosedur permohonan dan tuntutan bayaran Pembiayaan Latihan Kemahiran Program Pembiayaan Kompetitif (*Contestable Funding*) seperti yang telah ditetapkan oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menghasilkan tenaga kerja berkemahiran tinggi, pelaksanaan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) adalah berasaskan keperluan permintaan industri akan dapat membantu Malaysia menuju ke arah negara berpendapatan tinggi. Program Pembiayaan Kompetitif (CF) merupakan salah satu program bagi menyokong agenda TVET sebagai pemacu perubahan.
- 2.2 Antara syor *quick wins* yang disarankan dalam Kajian Permintaan dan Penawaran Modal Insan TVET ke arah menangani jurang kemahiran dan memenuhi keperluan industri di bawah RMKe-11 (2016-2020) yang telah dijalankan oleh UPE, JPM pada tahun 2016 adalah memperkenalkan mekanisme pembiayaan berasaskan prestasi yang memberi tumpuan kepada sektor-sektor berkeutamaan tinggi berdasarkan keperluan industri.
- 2.3 Mekanisme ini adalah berpandukan model pembiayaan latihan di Australia iaitu pihak Kerajaan Australia menyediakan sejumlah dana dan pihak institusi latihan perlu mencari jalan untuk mendapatkan dana tersebut untuk melaksanakan program latihan secara *cost-effective*.
- 2.4 Di Malaysia, program seumpama ini pernah dijalankan secara rintis oleh Pihak Berkuasa Perlaksanaan Koridor Utara (NCIA).

3.0 POLISI PEMBIAYAAN

- 3.1 Status pentauliahan dan pendaftaran Penyedia Latihan/ Pusat Bertauliah & program dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) serta PTPK masih sah dan lulus.
- 3.2 Yuran sebanyak 90 peratus (%) akan dibayar kepada Penyedia Latihan selepas dokumen permohonan berstatus "**PERJANJIAN LENGKAP**".
- 3.3 Yuran susulan sebanyak 10 peratus (%) akan dibayar setelah 3 bulan pelatih menamatkan latihan.

- 3.4 Syarat Yuran Susulan sebanyak 10% akan dikenakan ke atas kadar yuran yang telah diluluskan kepada PL. Yuran susulan akan dilepaskan / dibayar kepada PL apabila berjaya mencapai sekurang-kurangnya 90% kebolehpekerjaan dari kalangan pelatih selepas tamat latihan
- 3.5 Syarat menuntut bayaran yuran susulan sebanyak 10% kepada pelatih dengan mendapat pekerjaan dalam tempoh tiga (3) bulan setelah pelatih menamatkan latihan.
- 3.6 Sekiranya tiada tuntutan daripada PL selepas 6 bulan pelatih menamatkan latihan, PTPK tidak akan membayar dan kelulusan pembayaran adalah terbatal.

4.0 ELEMEN PEMBIAYAAN

- 4.1 Kadar pembiayaan mengikut kadar yuran semasa yang telah diluluskan oleh PTPK. Elemen kadar pembiayaan adalah:
 - a) Yuran Pengajian.
- 4.2 Di bawah adalah kadar peratus yuran yang layak dituntut oleh PL:

Status Permohonan Pelatih	Kadar Kelayakan Tuntutan Oleh PL
Perjanjian Lengkap	Tuntutan 90 peratus (%) Yuran oleh PL setelah berstatus Perjanjian Lengkap.
Selepas 3 bulan pelatih tamat latihan.	Tuntutan 10 peratus (%) Yuran Susulan oleh PL.

- 4.3 Yuran pengajian akan dibayar kepada PL berdasarkan tatacara pembayaran semasa yang berkuat kuasa.
- 4.4 PL perlu mengembalikan yuran yang tidak layak diterima sekiranya pelatih tidak menamatkan latihan atas sebab yang tidak munasabah.

5.0 KRITERIA KELAYAKAN PELATIH

- 5.1 PL boleh memohon untuk Pembiayaan Latihan Kemahiran Program Pembiayaan Kompetitif (*Contestable Funding*) bagi pelatihnya. Kriteria pelatih yang layak adalah:
 - a) Warganegara Malaysia;
 - b) Berumur 15 hingga 55 tahun pada tahun permohonan;

- c) Pelatih menjalani latihan kemahiran di PL yang menjalankan Persijilan Kemahiran Malaysia (PKM) dan diluluskan oleh PTPK;
 - d) Pelatih bukanlah daripada pelajar sekolah atau pelajar Universiti yang masih menuntut atau sedang menjalani latihan industri dalam tempoh latihan;
 - e) Pelatih tidak menerima pembiayaan / geran latihan daripada mana-mana institusi kewangan lain bagi program yang sama semasa permohonan ini dibuat;
 - f) Pelatih tidak mempunyai sebarang tunggakan dalam pinjaman PTPK terdahulu atau telah mendapat kelulusan penangguhan bayaran balik pinjaman PTPK;
 - g) Pelatih hanya boleh menjalani satu pembiayaan latihan kemahiran skim Program CF pada satu-satu masa; dan
 - h) Pembiayaan layak diberikan kepada pelatih sekali sahaja bagi setiap Skim sama.
- 5.2 PL mempunyai kerjasama dengan pihak industri dalam menghasilkan tenaga kerja mahir berasaskan keperluan semasa industri.
- 5.3 PL hendaklah melaksanakan penempatan pekerjaan pelatih di industri /majikan yang bersesuaian dengan bidang latihan kemahiran setelah pelatih tamat latihan.

*Syarat-syarat adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa

6.0 PROSEDUR PERMOHONAN

- 6.1 Penghantaran Permohonan Pembiayaan perlu dihantar secara manual. PL perlu memaklumkan kepada PTPK perincian maklumat kursus yang ingin dilaksanakan seperti nama kursus, nama pelatih, tarikh mula dan tamat latihan, tempat dan masa latihan.
- 6.2 PL hendaklah mengisi Jadual Pelaksanaan Latihan dalam format *Microsoft Excel* secara manual. Rujuk **Lampiran 1** (Jadual Pelaksanaan Latihan (PTPK/CF/2022/01)).
- 6.3 PL hendaklah mengisi maklumat pelatih dan keluarga pelatih dalam format *Microsoft Excel* secara manual. Rujuk **Lampiran 2** (Borang Maklumat Pelatih (PTPK/CF/2022/02)) dan Rujuk **Lampiran 3** (Borang Maklumat Keluarga Pelatih (PTPK/CF/2022/03))
- 6.4 PL dikehendaki menghantar maklumat seperti di para 6.2 secara salinan keras (*hardcopy*) dan maklumat di para 6.3 melalui e-mel bagi membolehkan PTPK mengeluarkan surat tawaran dan borang perjanjian kepada pelatih melalui PL.

- 6.5 PL perlu mengemukakan dokumen sokongan seperti di dalam Senarai Semak Dokumen Permohonan. Rujuk **Lampiran 4** (PTPK/CF/2022/04).
- 6.6 Mengisi Borang Permohonan. Rujuk **Lampiran 5** (Borang Permohonan (PTPK/CF/2022/05)).
- 6.7 Mengemukakan Surat Tawaran & Surat Setuju Terima Tawaran (Lampiran A) Ditandatangani Pelatih dan Pengurus PL. Rujuk **Lampiran 6** (Contoh Surat Tawaran (PTPK/CF/2022/06)).
- 6.8 Mengisi dua (2) salinan Surat Perjanjian dengan PTPK. Rujuk **Lampiran 7** (Borang Perjanjian (PTPK/CF/2022/07)).
- 6.9 Mengisi Borang Kebenaran/ Keizinan Pembayaran Yuran Latihan Terus Ke Akaun Bank Penyedia Latihan. Rujuk **Lampiran 13** (Borang Kebenaran/ Keizinan (PTPK/CF/2022/13)).
- 6.10 PL perlu menghantar borang permohonan, surat perjanjian dan dokumen sokongan tidak melebihi 60 hari bekerja daripada tarikh surat tawaran dikeluarkan oleh PTPK.

7.0 PENOLAKAN PERMOHONAN

- 7.1 Permohonan Pembiayaan Latihan Kemahiran Program CF boleh ditolak atau dibatalkan atas mana-mana atau semua alasan berikut :
 - a) Penolakan di peringkat permohonan:
 - Gagal mengemukakan maklumat lengkap bagi tujuan pengeluaran Surat Tawaran dalam tempoh **enam puluh (60) hari** daripada tarikh pelatih memulakan latihan; dan
 - Mana-mana alasan yang difikirkan munasabah oleh PTPK.
 - b) Penolakan di peringkat penerimaan dokumen:
 - Pemohon yang memberikan apa-apa maklumat palsu, menyembunyikan apa-apa fakta atau memberikan maklumat yang mengelirukan;
 - Gagal mengemukakan dokumen lengkap dalam tempoh **enam puluh (60) hari** dari tarikh surat tawaran dikeluarkan;
 - Pemohon gagal mematuhi terma, syarat kelulusan permohonan; dan
 - Mana-mana alasan yang difikirkan munasabah oleh PTPK.

8.0 TATACARA PENGISIAN SURAT PERJANJIAN

8.1 Perjanjian Pembiayaan Latihan Kemahiran Program CF perlu dicetak **sebanyak dua salinan** bagi setiap pelatih.

8.2 Tatacara mengisi dan melengkapkan Perjanjian:

a) **Dakwat yang perlu digunakan**

- Menggunakan **pen dakwat hitam**.

b) **Cukai Setem**

- Perjanjian hendaklah dimatikan/ diremitkan dengan **setem hasil** pada setiap salinan Perjanjian Pembiayaan Latihan Kemahiran Program Dana Wibawa oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) atau Jabatan-jabatan lain yang diiktiraf oleh Kerajaan.
- Perjanjian hendaklah dimatikan/ diremitkan setem **pada atau selepas** tarikh surat tawaran dikeluarkan.

c) **Tandatangan**

- Pelatih serta saksi hendaklah menurunkan tandatangan di ruang yang disediakan.
- Pelatih hendaklah menurunkan tandatangan ringkas pada **sudut bawah sebelah kanan** di setiap helaian muka surat pada Perjanjian Pembiayaan Latihan Kemahiran Program Dana Wibawa.

d) **Kesilapan pengisian maklumat**

- Pelatih hendaklah **memotong dengan satu garisan** (*tidak boleh menggunakan pemadam cecair*) dan menurunkan tandatangan ringkas. Maklumat nombor kad pengenalan tidak boleh dipinda.
- Jika didapati kotor atau rosak, pelatih akan diminta mengisi Perjanjian Pembiayaan Latihan Kemahiran Program Dana Wibawa yang baru dan sekiranya cukai setem telah dimatikan / diremitkan maka pelatih perlu mendapatkan cukai setem yang baru dan kos hendaklah ditanggung oleh pelatih sendiri.

8.3 Syarat-syarat saksi untuk Perjanjian

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Hendaklah benar-benar menyaksikan pelatih menurunkan tandatangan pada perjanjian;
- c) Hendaklah menurunkan cap rasmi yang tertera nama, jawatan dan jabatan; dan

- d) Individu yang layak menjadi saksi adalah seperti berikut:
- Wakil Rakyat, Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Jaksa Pendamai, Pegawai Polis berpangkat ASP ke atas, Pegawai Tentera berpangkat Kapten atau setaraf dan ke atas, Penghulu, Ketua Kampung, Penggawa, Tuai Rumah, Ketua Kaum / Mukim yang bertauliah tempat pelatih bermastautin atau Pengurus Pusat Bertauliah / Pengurus Penyedia Latihan yang berdaftar dengan PTPK.
 - **Majistret / Notari Awam / Pesuruhjaya Sumpah tidak dibenarkan** menjadi saksi kepada pelatih.

9.0 PROSEDUR PEMBAYARAN

9.1 PEMBAYARAN YURAN

9.1.1 Pembayaran yuran akan dibuat berdasarkan kepada situasi berikut:

- a) 90 peratus (%) bayaran Yuran dibuat selepas dokumen permohonan pembiayaan pelatih berstatus “Perjanjian Lengkap”; dan
- b) Tuntutan bayaran yuran susulan oleh PL sebanyak 10 peratus (%) boleh dibuat dalam tempoh 3 bulan selepas pelatih menamatkan latihan.

9.2 DOKUMEN TUNTUTAN BAYARAN YURAN SUSULAN 10 PERATUS (%)

9.2.1 Tuntutan Bayaran Yuran Susulan 10 peratus (%) dibuat selepas 3 bulan pelatih menamatkan latihan. Dokumen tuntutan yang perlu dikemukakan seperti berikut:

- a) Surat tuntutan daripada PL (menggunakan Kepala Surat (*Letterhead*), disahkan dan dicap rasmi oleh PL);
- b) Salinan sijil SKM atau Borang Pendaftaran dan Pengeluaran Sijil (JPK/T1003) (Jika berkaitan);
- c) Salinan Surat Tawaran Bekerja;
- d) Borang Kehadiran Kursus Pelatih yang ditandatangani pelatih. Rujuk **Lampiran 9** (Borang Kehadiran Kursus Pelatih (PTPK/CF/2022/09);
- e) Borang tuntutan Yuran Susulan yang ditandatangani oleh Pengurus Penyedia Latihan PL. Rujuk **Lampiran 10** (Borang Tuntutan Yuran Susulan 10 peratus (%) (PTPK/CF/2022/10);

- f) Laporan pemantauan keberkesanan kursus selepas tamat latihan. Rujuk **Lampiran 11** (Laporan Keberkesanan Kursus Pelatih (PTPK/CF/2022/11)); dan
- g) Ringkasan Laporan keberkesanan kursus selepas tamat latihan. Rujuk **Lampiran 12** (Ringkasan Laporan Pemantauan Keberkesanan Program (PTPK/CF/2022/12)).

9.3 Pembayaran Yuran akan dibuat terus ke akaun bank PL dengan **menggunakan** borang seperti di **Lampiran 13** (Borang Kebenaran/Keizinan Pembayaran Yuran Latihan Terus Ke Akaun Bank Penyedia Latihan (PTPK/CF/2022/13)).

9.4 Sekiranya penerima bayar adalah berbeza daripada PL, PL hendaklah mengemukakan surat rasmi bagi membuat arahan pembayaran kepada pihak ketiga ke atas tuntutan yang diarahkan.

10.0 PEMBATALAN PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN

10.1 Pembatalan pinjaman boleh dilakukan sekiranya mendapat permohonan atau tidak daripada peminjam, wakil peminjam / pewaris atau penyedia latihan seperti di **Lampiran 8** (Borang Pembatalan/ Batal Baki (PTPK/BPPLP/2022/08)).

- i. Kriteria Pembatalan Permohonan Pinjaman (Sebelum Pembayaran pinjaman dilakukan).
 - a) Pelatih menarik diri sebelum pembayaran pinjaman dilakukan.
 - b) Peminjam meninggal dunia sebelum pembayaran pinjaman dibuat.
 - c) Peminjam telah mendapat pembiayaan daripada mana-mana institusi / agensi pembiaya.
 - d) Peminjam dikenakan tindakan tatatertib / undang –undang seperti terlibat dengan jenayah.
 - e) PTPK berhak membatalkan pinjaman tanpa sebarang notis pemakluman yang difikirkan munasabah.
 - f) Peminjam mufliis dalam tempoh pengajian.
 - g) Peminjam tidak waras /gila.
- ii. Kriteria Pembatalan Baki Pinjaman.
 - a) Peminjam telah meninggal dunia dalam tempoh latihan.
 - b) Peminjam telah mendapat pembiayaan daripada mana-mana institusi / agensi pembiaya.
 - c) Peminjam berhenti latihan sebelum tempoh tamat latihan.
 - d) Peminjam dikenakan tindakan tatatertib. / undang –undang seperti terlibat dengan jenayah.

11.0 PENALTI

- 11.1 Pelatih diwajibkan untuk menamatkan latihan yang diikuti dan sekiranya gagal, pelatih perlu membayar ganti rugi kepada PTPK sejumlah wang tidak melebihi RM5,000.00 kecuali dengan sebab-sebab yang munasabah seperti kematian / kecacatan kekal, menyambung pengajian, mendapat pekerjaan atau apa-apa sahaja alasan yang munasabah. Rayuan penalti akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Penalti.

12.0 PROSEDUR PEMANTAUAN

Pemantauan akan dijalankan PTPK sekiranya perlu.

13.0 LAMPIRAN

- 13.1 Senarai dokumen yang digunakan dalam prosedur permohonan dan prosedur pembayaran Pembiayaan Latihan Kemahiran Program Dana Wibawa adalah seperti berikut:

- 13.1.1 **Lampiran 1** – Jadual Pelaksanaan Latihan (PTPK/CF/2022/01).
- 13.1.2 **Lampiran 2** Borang Maklumat Pelatih (format *Microsoft Excel*) (PTPK/CF/2022/02).
- 13.1.3 **Lampiran 3** – Borang Maklumat Keluarga Pelatih (format *Microsoft Excel*) (PTPK/CF/2022/03).
- 13.1.4 **Lampiran 4** – Senarai Semak Dokumen Permohonan (PTPK/CF/2022/04).
- 13.1.5 **Lampiran 5** – Borang Permohonan (PTPK/CF/2022/05).
- 13.1.6 **Lampiran 6** – Contoh Surat Tawaran (PTPK/CF/2022/06).
- 13.1.7 **Lampiran 7** – Contoh Borang Perjanjian (PTPK/CF/2022/07).
- 13.1.8 **Lampiran X8** – Borang Pembatalan/ Batal Baki (PTPK/BPPLP/BATAL-001)
- 13.1.9 **Lampiran 9** – Borang Kehadiran Kursus Pelatih (format *Microsoft Excel*) (PTPK/CF/2022/09).
- 13.1.10 **Lampiran 10** – Borang Tuntutan Yuran Susulan (format *Microsoft Excel*) (PTPK/CF/2022/10).
- 13.1.11 **Lampiran 11** – Laporan Pemantauan 3 Bulan Pelatih Bekerja Di Dalam Industri (format *Microsoft Excel*) (PTPK/CF/2022/11).
- 13.1.12 **Lampiran 12** – Ringkasan Laporan Pemantauan 3 Bulan Pelatih Bekerja Di Dalam Industri (format *Microsoft Excel*) (PTPK/CF/2022/12).
- 13.1.13 **Lampiran 13** – Borang Kebenaran/ Keizinan Pembayaran Yuran Latihan Terus Ke Akaun Bank Penyedia Latihan (PTPK/CF/2022/13)

14.0 KUASA PERBADANAN

Perbadanan boleh pada bila-bila masa, menggantung atau membatalkan pendaftaran penyedia latihan kemahiran jika penyedia latihan melanggar mana-mana peruntukan di dalam Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640).

15.0 KUASA KETUA EKSEKUTIF UNTUK MENGEQUALIKAN

Ketua Eksekutif boleh untuk mengecualikan, meminda dan membatalkan apa-apa peruntukan mengikut budi bicara yang dibuat di bawah Buku Panduan ini.

16.0 TARIKH KUAT KUASA / RUJUKAN

Buku panduan prosedur permohonan dan tuntutan bayaran Pembiayaan Latihan Kemahiran Program CF ini hendaklah diguna pakai oleh PTPK/ PL **berkuat kuasa mulai 1 September 2022** dan hendaklah dibaca bersekali dengan Arahan Perbendaharaan, pekeliling atau Surat Edaran Ketua Eksekutif PTPK yang berkaitan yang masih berkuat kuasa.

17.0 TEMPAT RUJUKAN

Sekiranya terdapat pertanyaan dalam pelaksanaan Pembiayaan Latihan Kemahiran Program CF, sila berhubung terus dengan Bahagian Pengurusan Penyedia Latihan & Pembiayaan melalui e-mel pegawaibpl@ptpk.gov.my.

Cawangan Pembiayaan
Bahagian Pengurusan Penyedia Latihan & Pembiayaan
Perbadanan Tabung pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia
September 2022



PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

LAMPIRAN 1

Jadual Pelaksanaan Latihan

PTPK/CF/2022/01



**JADUAL PELAKSANAAN
PEMBIAYAAN LATIHAN KEMAHIRAN PROGRAM PEMBIAYAAN KOMPETITIF (CONTESTABLE FUNDING)**

Nama Penyedia Latihan : _____
 Kod Penyedia Latihan : _____
 ** Alamat Penyedia Latihan : _____
 Nama Agensi Penyelaras : _____
 Nama Pegawai Bertanggungjawab : _____

Nombor Telefon : _____ Alamat E-Mel : _____

Bil.	Nama dan Kod Kursus Kemahiran	Tarikh Pelaksanaan Latihan		Tempoh Latihan (Bulan)	Kos Latihan / Pelatih (RM)		Bil Peserta		Baki	Catatan
		Mula (dd/mm/yyyy)	Tamat (dd/mm/yyyy)		Yuran:	ESH:	Kuota	Daftar		
1					Yuran:					
					ESH:					
Jumlah						-	-	-		

Nota:

- * Sila kemukakan Jadual Pelaksanaan Latihan kepada PTPK lebih awal/ Dua (2) minggu sebelum mula latihan.
- ** Mohon isikan maklumat alamat Penyedia Latihan seperti di Surat Kelulusan Menjalankan Program.
- *** Pihak PTPK berhak mengubah tarikh pelaksanaan sekiranya tempoh tersebut kurang/lebih daripada yang telah diluluskan seperti di Surat Kelulusan

Disedia dan Disahkan:

Nama Pengurus Penyedia Latihan : _____
 Cap Rasmi dan Alamat Syarikat : _____
 Tarikh : _____

<p>KEGUNAAN PTPK :</p> <p>Ulasan :</p> <p>Diluluskan/ Tidak Diluluskan</p> <p>Nama dan Cap Jawatan : _____</p> <p>Tarikh : _____</p>



PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

LAMPIRAN 2

Borang Maklumat Pelatih



PTPKCF/202202

MAKLUMAT PELATIH
PEMBIAYAAN LATIHAN KEMAHIRAN PROGRAM PEMBIAYAAN KOMPETITIF (CONTESTABLE FUNDING)

Nama PL : _____
 Kod PL : _____
 Kursus : _____
 Kod Kursus : _____
 Nama Kursus : _____
 Tempoh Kursus : _____
 Jumlah Pembiayaan (RM) - Yuran : _____

Bil	Nama Pelatih	No. K/P	No. Surat Tawaran	No rumah	Jln/Taman/Kg	Daerah/Mukim	Poskod	Negeri	Kod PL	Kod Kursus	No. Tel Pelatih	Tarikh Mula	Tarikh Tamat	Bank	No Akaun	CATATAN
1																
2																
3																
4																
5																
6																
7																
8																
9																
10																
11																
12																
13																
14																
15																
16																
17																
18																
19																
20																
21																
22																
23																
24																
25																



PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

LAMPIRAN 3

Borang Maklumat Keluarga Pelatih



MAKLUMAT KELUARGA PELATIH
PEMBIAYAAN LATIHAN KEMAHIRAN PROGRAM PEMBIAYAAN KOMPETITIF (CONTESTABLE FUNDING)

PIPO/2022

Nama PL : _____
 Kod PL : _____
 Kursus : _____
 Kod Kursus : _____
 Nama Kursus : _____
 Tempoh Kursus : _____
 Jumlah Pembiayaan (RM) - Yuran : _____

ID	MAKLUMAT PELATIH		MAKLUMAT KELUARGA							ALAMAT TETAP KELUARGA					MAKLUMAT MAJIKAN KELUARGA						
	Nama	No. KP	Nama Ibu/Bapa/Perjaja	No. KP	Warganegara Ya/No / T-Tidak	Taraf Perkahwinan	Hubungan dengan pelatih	No. Telefon	Pendapatan Bulanan Keluarga (RM)	No rumah	Jln/Taman/Kg	Daerah/Mukim	Poskod	Negeri	Nama	No rumah	Jln/Taman/Kg	Daerah/Mu- lim	Poskod	Negeri	No. Tel Majikan
1																					
2																					
3																					
4																					
5																					
6																					
7																					
8																					
9																					
10																					
11																					
12																					
13																					
14																					
15																					
16																					
17																					
18																					
19																					
20																					
21																					
22																					
23																					
24																					
25																					



PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

LAMPIRAN 4

Senarai Semak Dokumen Permohonan

**SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN
PROGRAM PEMBIAYAAN KOMPETITIF (CONTESTABLE FUNDING)**

NAMA PELATIH	:			
NO. K.P. PELATIH	:		NO. FAIL:	
KOD DAN NAMA PENYEDIA LATIHAN	:			
* Sila tandakan (√) di ruang yang berkenaan dan susun mengikut susunan seperti di senarai			PL	PTPK
DOKUMEN PELATIH				
1.	Borang Permohonan Program Pembiayaan Kompetitif (<i>Contestable Funding</i>) (PTPK/CF/2022/05)			
2.	Satu (1) Salinan Kad Pengenalan			
3.	Surat Tawaran dan Surat Setuju Terima Pembiayaan (Lampiran A) yang telah ditandatangani oleh Pelatih dan Pengurus Penyedia Latihan (PTPK/CF/2022/06)			
4.	Surat Tawaran Kemasukan ke Penyedia Latihan (PL) (Perlu ada Struktur Yuran & Program Latihan)			
5.	Satu (1) Salinan Borang Pengesahan Pendaftaran Calon PKM (JPK/T1002) bagi TAHAP SEMASA dan Satu (1) salinan Resit Rasmi Bayaran Pendaftaran – PKM			
6.	Satu (1) salinan Sijil PKM atau Salinan Borang Pendaftaran dan Pengeluaran Sijil PKM (JPK/T1003) bagi setiap tahap terdahulu (bagi permohonan peningkatan tahap sahaja)			
7.	Salinan Surat Kebenaran Bayaran Yuran Latihan Terus Ke Akaun Penyedia Latihan (PTPK/CF/2022/13)			
SURAT PERJANJIAN PEMBIAYAAN				
8.	Dua (2) Salinan Asal Surat Perjanjian Program Pembiayaan Dana CF yang telah diremitkan setem serta dicetak depan belakang. (PTPK/CF/2022/07)			
TERIMA DOKUMEN		BILIK SISIH TERIMA		TERIMA FAIL
Nama : Tarikh:		Nama : Tarikh:		Nama : Tarikh:
UNTUK DIISI OLEH PEGAWAI / KAKITANGAN PTPK SAHAJA				
TERIMA DOKUMEN / TOLAK DOKUMEN				
SEBAB KUIRI	:			Penyemak Tarikh:



PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

LAMPIRAN 5

Borang Permohonan



BORANG PERMOHONAN PROGRAM PEMBIAYAAN KOMPETITIF (CONTESTABLE FUNDING)

(Sila baca syarat permohonan dan arahan dengan teliti sebelum mengisi borang ini)

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Warganegara Malaysia.
2. Berumur di antara 15 hingga 55 tahun pada tahun permohonan.
3. Mengikuti program latihan Persijilan Kemahiran Malaysia (PKM) sepenuh masa atau separuh masa pada satu-satu masa yang diluluskan oleh Perbadanan.
4. Mengikuti latihan di Penyedia Latihan yang diluluskan oleh PTPK.
5. Telah disahkan berdaftar dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) untuk menjalani latihan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.
6. Mempunyai tahap kesihatan yang membolehkan mengikuti program latihan.
7. Pelatih tidak mempunyai sebarang tunggakan dalam pinjaman PTPK terdahulu atau telah mendapat kelulusan penangguhan bayaran balik pinjaman PTPK.
8. Tidak mendapat mana-mana pembiayaan / bantuan kewangan dalam bentuk geran daripada Perbadanan atau daripada mana-mana institusi kewangan semasa mengikuti latihan.
9. Pelatih bukanlah daripada pelajar lepasan sekolah atau pelajar universiti yang masih menuntut atau sedang menjalani latihan industri dalam tempoh latihan.
10. Pembiayaan layak diberikan kepada pelatih sekali sahaja bagi setiap Skim.

ARAHAN

Lampirkan satu salinan dokumen berikut bersama-sama borang permohonan ini dan tandakan (✓) dalam kotak berkenaan

- | | | |
|------|--------------------------|---|
| i. | <input type="checkbox"/> | Salinan Kad Pengenalan Pemohon. |
| ii. | <input type="checkbox"/> | Surat Setuju Terima Tawaran Pembiayaan (Lampiran A) yang telah ditandatangani oleh pelatih dan Penyedia Latihan. |
| iii. | <input type="checkbox"/> | Salinan Surat Tawaran Kemasukan ke Penyedia Latihan yang mengandungi struktur Yuran dan Program Latihan. |
| iv. | <input type="checkbox"/> | Salinan Borang Pengesahan Pendaftaran Calon PKM (JPK/T1002) bagi TAHAP SEMASA dan salinan Resit Rasmi Bayaran Pendaftaran – PKM atau slip penugasan atau slip pendaftaran calon PPT |
| v. | <input type="checkbox"/> | Borang Kebenaran/ Keizinan Pembayaran Yuran Latihan Terus Ke Akaun Bank Penyedia Latihan. |

Permohonan hendaklah dikemukakan melalui Penyedia Latihan masing-masing kepada Perbadanan.

MAKLUMAN

1. Jumlah pembiayaan mengikut program / kursus dan tahap latihan kemahiran yang diikuti di Penyedia Latihan.
2. Perbadanan tidak akan memproses mana-mana permohonan yang tidak lengkap.
3. Pastikan semua dokumen yang diminta disertakan bersama-sama permohonan ini. Sila semak senarai semak sebelum menghantar permohonan.

BAHAGIAN A: MAKLUMAT PELATIH						
Nama Penuh Pelatih <i>(mengikut kad pengenalan)</i>					Gambar Pelatih <i>(Saiz Pasport)</i>	
No. Kad Pengenalan						
Alamat Tetap <i>(termasuk poskod)</i>						
Alamat Surat-menyurat <i>(termasuk poskod)</i>						
Telefon Rumah		Telefon Bimbit				
E-mel		Kaum				
Tarikh Lahir : <input type="text"/> hari <input type="text"/> bulan <input type="text"/> tahun		Jantina : <input type="checkbox"/> Lelaki <input type="checkbox"/> Perempuan	Status Perkahwinan : <input type="checkbox"/> Bujang <input type="checkbox"/> Berkahwin <input type="checkbox"/> Berceraai/ Duda/ Balu		Warganegara : <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak	
Muflis/Bankrap : <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak	Sihat Tubuh Badan : <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak	Golongan Rentan : <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak	Mendapat Mana-Mana Pembiayaan/ Bantuan Kewangan Daripada Institusi Kewangan Lain : <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak			
Nama Bank						
No. Akaun Bank						
BAHAGIAN B: MAKLUMAT PENYEDIA LATIHAN DAN PROGRAM LATIHAN (diisi oleh Penyedia Latihan)						
Nama Penyedia Latihan						
Kod Penyedia Latihan						
Program Latihan Yang Dipohon Pembiayaan :						
Kod Kemahiran	Nama Program Latihan	Tahap Latihan	Tarikh Mula Latihan	Tarikh Tamat Latihan	Yuran Latihan	
					RM	
Jumlah					RM	
BAHAGIAN C: MAKLUMAT PENEMPATAN MAJIKAN (JIKA BERKAITAN)						
Nama Majikan				No. SSM		
Nama Pengarah						
No. Kad Pengenalan			Warganegara			
No. Telefon			E-mel			
Alamat Majikan <i>(termasuk poskod)</i>						

BAHAGIAN D : MAKLUMAT KELUARGA PELATIH (IBU/ BAPA/ PENJAGA/ PASANGAN)

Hubungan Pertalian Dengan Pemohon					
Nama					
No. Kad Pengenalan		No. Telefon		E-mel	
Tarikh Lahir : <input type="text"/> hari <input type="text"/> bulan <input type="text"/> tahun		Jantina : <input type="checkbox"/> Lelaki <input type="checkbox"/> Perempuan	Status Perkahwinan : <input type="checkbox"/> Bujang <input type="checkbox"/> Berkahwin <input type="checkbox"/> Bercerai/ Duda/ Balu		Warganegara : <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
Alamat Surat-menyurat (termasuk poskod)					
Pekerjaan		Sektor		Pendapatan Bulanan	RM
Nama Majikan					
No. Telefon		E-mel			
Alamat Majikan (termasuk poskod)					

BAHAGIAN E: PENGAKUAN PELATIH

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan di atas adalah benar. Sekiranya terdapat maklumat yang tidak benar, saya boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 74 di bawah Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640).

Tarikh: _____

Tandatangan Pelatih

BAHAGIAN F: PENGESAHAN PENYEDIA LATIHAN

Dengan ini disahkan bahawa semua butiran latihan di Bahagian B adalah benar. Sekiranya terdapat maklumat yang tidak benar atau melanggar mana-mana syarat yang dikenakan, Penyedia Latihan boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 73 dan Seksyen 74 di bawah Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640).

Tandatangan: _____

Nama Pengarah Urusan/
Pengurus Penyedia Latihan: _____

Tarikh: _____

Cap Penyedia Latihan

Sila kembalikan borang permohonan yang telah dilengkapi kepada
alamat seperti berikut:

Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia
Aras 11, 12C, 15,16,17,18,19 DAN 27
Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL)
No 45. Jalan Tun Ismail
50530 W.P. Kuala Lumpur

No. Tel : 03 - 4047 6200
No. Faks : 03 - 4047 6142
E-Mel : skillsfund@ptpk.gov.my



PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

LAMPIRAN 6

Contoh Surat Tawaran & Surat Setuju Terima Tawaran Pembiayaan



PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
ARAS 11, 12C, 15,16,17,18,19 DAN 27, MENARA DATO' ONN
PUSAT DAGANGAN DUNIA KUALA LUMPUR (WTCKL)
NO 45. JALAN TUN ISMAIL
50530 W.P. KUALA LUMPUR

Tel : 03 - 4051 6200
Faks : 03 - 4047 6142
E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my
Laman Web : http://www.ptpk.gov.my

22/CF/XXXXX



Ruj. Kami : PTPK/22/XXXXXX-14-XXXXX/CF/XXXXX
Tarikh : 04-Feb-2022

Nama : **BRANDON ANAK MALI**
No. Kad Pengenalan : **XXXXXX-14-XXXX**
Alamat : **LOT XXX TAMAN CANTEK OFF TAMAN TUKU**
80050 MIRI,
SARAWAK

Tuan/ Puan,

SURAT TAWARAN PROGRAM PEMBIAYAAN KOMPETITIF (CONTESTABLE FUNDING)

Sukacita dimaklumkan bahawa tuan/puan adalah ditawarkan **Program Pembiayaan Kompetitif (Contestable Funding)** seperti berikut;

